

U 8901 088
MAHATHIR - PENEROKA

TEMERLOH, 13 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN PARA PENEROKA MEMPERBAHARUI AZAM DAN MENGUKuhkan SEMANGAT PENEROKAAN YANG BEDIA ADA DALAM DIRI, DI SAMPING BERSEEDIA MEMERINA PERBAHARUAN TEKNOLOGI DAN PENGURUSAN LADANG YANG SISTEMATIK.

PERDANA MENTERI BERKATA KESEMUANYA ITU BOLEH DICAPAI MEMERUSI PEMBINAAN SIKAP YANG LEBIH POSITIF, SENTIASA BERIKHTIAR UNTUK LEBIH BERDIKARI DAN TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN SERTA MENINGKATKAN USAHA SUPAYA SENTIASA BERSEEDIA MENGHADAPI SEBARANG CABARAN DAN KEMUNGKINAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PERKARA INI DALAM AMANATNYA SEPENA HARI PENEROKA PERINGKAT KEBANGSAAN 1988 DI BANDAR PUSAT JENKA DEKAT SINI HARI INI. AMANAT ITU DISAMPAIKAN OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI KHALIL YAACOB.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SOLONGAN PENEROKA HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM ASPEK PEMBANGUNAN DAN MENUJUDKAN SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN PENEROKA, SELAIN KUAT BEKERJA SUPAYA MENJAMIN MUTU PENGELUARAN YANG BAIK.

+KEGIATAN PENEROKA AMATLAH PENTING TERUTAMA DALAM MENYUMBANGKAN KEPADA AKTIVITI-AKTIVITI HILIRAN,+ KATANYA SAKBIL MENEGASKAN BAHAWA SETIAP PERINGKAT PEMROSESAN DAN PEMASARAN BARANGAN UTAMA AMATLAH BERGANTUNG KEPADA KEGIATAN DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH PENEROKA. -- LAGI

1212MST 13 11 88

U 8902 088
MAHATHIR-PENEROKA 2 TEMERLOH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENEROKA HESTILAH BERFIKIRAN JAUH DAN MEMPUNYAI DAYA MAJU SUPAYA DAPAT SAMA-SAMA MENYUMBANGKAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA KERANA KERAJAAN MAHU PENEROKA TURUT MENJADI MODEN SESUAI DENGAN ZAMAN BERDA MODEN MASAKINI DAN TIDAK KETINGGALAN SERTA BERADA PADA TAHAP DAN KEADAAN LAHA.

KATANYA, BASI MENCAPAI PEMBANGUNAN ITU, SEMANGAT SIGIH ATAU DISIPLIN KERJA YANG KUAT DIPERLUKAN, SELAIN PERBAHARUAN DAN PENINGKATAN USAHA KE ARAH YANG LEBIH BERKESAN.

PENGUNAAN TEKNOLOGI MODEN PERLU DIPERKENALKAN DAN SISTEM PENGURUSAN LADANG YANG SISTEMATIK HENDAKLAH DIAMALKAN SUPAYA DENGAN CARA INI DAPAT MENINGKATKAN HASIL SERTA MUTU PENGELUARAN, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN TANAH BARU, PENULIHAN TANAH TERBIAR DAN PENANAMAN BERKELOMPOK YANG TERBESUSUN DI SAMPING MENGUBAHSUAI INSTITUSI DAN TENAGA MANUSIA DARI MASA KE SEMASA DARIPADA SEGI KEUTAMAAN DAN KANDUNGAN.

+USAHA SEMASA SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM DASAR PERTANIAN NEGARA UNTUK MENGGIATKAN SEMULA SEKTOR PERTANIAN AKAN DITUMPUKAN KEPADA KE ARAH MENINGKATKAN PENDAPATAN PETANI SECARA MAKSIMUM MELALUI PENINGKATAN PRODUKTIVITI TANAMAN SETAH DAN KELAPA SAWIT SERTA MEHAJUKAN JENIS TANAMAN BARU DI SAMPING TANAMAN UNTUK MAKANAN DAN INDUSTRI. -- LAGI

1225MST 13 11 88

U 8920 DEB
MAHATHIR - PENEROKA 3 TEMERLOH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKTOR PERTANIAN MASIH MERUPAKAN SALAH SATU SEKTOR TERPENTING BAGI EKONOMI MALAYSIA YANG KINI MENYUMBANGKAN 20 PERATUS PENSELUARAN DALAM EKONOMI.

+SEBAHASIAN BESAR KELUARAN SEKTOR INI ADALAH DARIPADA SETAH DAN KELAPA SAMIT YANG MERUPAKAN 48 PERATUS KELUARAN SEKTOR PERTANIAN.

MENGENAI HARI PENEROKA, BELIAU BERKATA IA ADALAH HARI YANG PENUH BERMAKNA KEPADA SELURUH MASYARAKAT PENEROKA DAN KERAJAAN YANG JUGA BERERTI MASYARAKAT PENEROKA DIKTIRAF DAN DIHARGAI OLEH KERAJAAN AKAN PERANAN DAN JASA TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DALAM SEKTOR PERLADANGAN DAN PERTANIAN.

SAMBUTAN INI JUGA BERMAKNA KEPADA KERAJAAN KERANA MELALUI PEMBUKAAAN TANAH LAH KERAJAAN DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN DAN KEKAYAAN NEGARA BERTA MENAMBAHKAN PEMILIKAN TANAH DI KALANGAN RAKYAT.

PERDANA MENTERI PERCAYA BAGI PENEROKA PENGSIKTIRAFAN INI MEMBERIKAN DORONGAN DAN AZAM YANG KUAT KE ARAH MENINGSIKAN LAGI DAYA PENSELUARAN DAN MUTU HASIL MASING-MASING. -- LAGI

1329HST 13 11 88

0160

U 8921 DEB
MAHATHIR - PENEROKA 4 TEMERLOH

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR MENYAMPAIKAN SALAM TAKZIM PERDAN MENTERI YANG TIDAK DAPAT BERSAMA-SAMA UNTUK MERASHIKAN HARI PENEROKA ITU.

SELAKU MENTERI BESAR, DATUK SERI KHALIL BERKATA BELIAU TIDAK MAHU DRANG LUAR MENGANGGVI KANASAN PEMEMPATAN PENEROKA YANG BOLEH MEMBERIKAN KESAN NEGATIF KEPADA USAHA MENBANGUNKAN KANASAN BERKENAAN.

BELIAU BERKATA KANASAN PENEROKA TELAH TERKENAL DI SELURUH DUNIA DAN DIKASUMI OLEH PELBASAI PAKAR.

KATANYA BERASASKAN SISTEM INI, ADA NEGARA-NEGARA LAIN YANG CUBA MENCONTOHINYA DAN OLEH ITU AMATLAH MAJAR MASYARAKAT PENEROKA BERBANGSA DIPILIH MENYERTAI RANGANSAN BERKENAAN.

BELIAU JUGA BERKATA PENEROKA PERLU MENGEKALKAN HUBUNGAN BAIK BESAMA HEREKA DAN DENGAN KERAJAAN DALAM USAHA MENINGKATKAN KEMAJUAN ADA PEMBANGUNAN NEGARA. -- LAGI DEB

1330HST 13 11 88

U 8907 DEB
MAHATHIR-PENEROKA 5 TEMERLOH

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI KESIHATAN, DATUK CHAN SIANG SUN, MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK DAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK MANSIAH OMAR.

ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PAUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI YANG TURUT MENSHADIRI MAJLIS ITU KEMUDIANNYA MERASHIKAN EKSPD PENEROKA YANG YANG MEMPAMERKAN SEGALA HASIL KELUARAN PENEROKA.

-- BERNAMA

1239HST 13 11 88